KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **17 Oktober 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 17



ARMIZAN diringi Ketua Pengarah Mardi, Datuk Mohamad Zabawi Abdul Ghani (kanan) melawat pameran agro selepas merasmikan Program AgroInvest Mardi Sempena Sambutan HIM 2024. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

**BARANG KAWALAN DEEPAVALI**

# KPDN dalam proses muktamad senarai barangan, harga

**Serdang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam proses memuktamadkan senarai barangan dengan harga kawalan sempena sambutan Deepavali tidak lama lagi.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kementerian kini giat bekerjasama dengan pemain industri melihat dan mengenal pasti barangan yang sesuai.

"Sekarang ini kami masih dalam proses membuat *engagement* dengan industri untuk mengenal pasti apa barangan sesuai untuk kami masukkan dalam senarai harga kawalan pada musim Deepavali akan datang.

"Apabila sudah dimuktamadkan, saya akan umumkan jenis barangan yang kami pilih selepas mendapat persetujuan daripada industri," katanya selepas merasmikan Program AgroInvest Mardi Sempena Sambutan Hari Inovasi Mardi (HIM) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), di sini, semalam.

Ditanya sama ada skim harga kawalan berkenaan akan merangkumi isu kenaikan harga sayur dalam negara, Armizan berkata, tidak semua sayur-sayuran termasuk dalam senarai harga kawalan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 12




MOHD Firdaus (tengah) dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Seremban, semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

# Syarikat umrah, pengarah didenda RM18,000 gagal patuhi award perintah TTPM

**Seremban:** Syarikat pengendali pakej umrah berserta pengarahnya didenda RM18,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas enam pertuduhan gagal mematuhi award perintah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar tuntutan berjumlah RM67,390 kepada tiga individu.

Hukuman dijatuhkan Majistret Nurul Azuin Mohd Talhah terhadap Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd serta Mohd Firdaus Ahmad, 38.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara sebulan bagi setiap pertuduhan sekiranya tertuduh gagal menjelaskan denda berkenaan.

Terdahulu, mahkamah diberitahu Mohd Firdaus membuat pengakuan bersalah pada 14 Oktober lalu dan prosiding semalam sebutan hukuman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati gagal selepas 14 hari dari tarikh award diserahkan untuk mematuhi award TTPM bertarikh 27 Jun tahun lalu dibuat di Pejabat TTPM Negeri Sembilan.

Ia memerintahkan mereka supaya membayar sejumlah RM67,390 kepada tiga individu membuat tuntutan itu.

Perbuatan dilakukan di syarikat di Taman Ostia Bangi, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 26 Julai tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh melakukan suatu kesalahan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dihukum mengikut seksyen dan akta sama.

Sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM10,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau kedua-duanya.

Sebelum itu, Mohd Firdaus dalam rayuan hukumannya mendakwa namanya secara tidak sah diletakkan sebagai pengarah syarikat penghujung 2022.

Katanya, dalam kes itu dia boleh dikatakan dijadikan sebagai 'kambing hitam' dan menjadi rakan kongsi dengan pemilik syarikat.

"Disebabkan kes ini, saya juga kehilangan kerja dan segala-galanya. Saya berazam untuk membayar balik (award perintah). Bagi masa dan ruang kepada saya," katanya.

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Janawatul Fieza Hamisan memohon mahkamah mengambil kira kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 27

KPDN Melaka temui 12 peket minyak di sebuah kedai makan

# Wanita Rohingya sorok minyak masak peket

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

"Awak kata ada satu, dua, (minyak masak peket), temberang kau ni kak, ini apa ini."

Sergah Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka, Norena Jaafar apabila menemui 12 peket minyak yang disorokkan di sebuah kedai makan di Pernu di sini baru-baru ini.

Lebih memeranjatkan serbuan yang diketuai Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan, Datuk Ngwe Hee Sem turut merampas 14 peket gula pasir sekilogram yang disorokkan di ruang dapur berkenaan.

Norena berkata, pada mulanya pekerja wanita warga Rohingya itu memberi alasan minyak masak peket sekilogram itu diperoleh ketika membeli barang di pasar mini berhampiran dalam jumlah satu atau dua paket sahaja.

Namun menurutnya, setelah pegawai penguat kuasa membuat pemeriksaan di bahagian bawah dapur, berjaya menemui barang kawalan yang disimpan dalam bekas plastik.

Katanya, perbuatan mereka jelas menunjukkan kesalahan yang sering kali telah diberikan amaran kepada peniaga agar tidak menggunakan minyak masak paket dalam urusan berniaga kerana ia adalah untuk kegunaan isi rumah terutama golongan B40.

"Banyak kali kita pesan agar peniaga tidak menggunakan minyak masak ini dan mereka sebenarnya boleh membeli minyak masak dalam botol.

"Malah perbuatan menyimpan barang kawalan juga satu kesalahan dan kesemua gula pasir serta minyak peket yang dianggarkan berjumlah hampir RM70 itu disita di bawah Seksyen 21 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya ketika dihubungi di sini pada Selasa.

Tambahnya, penguat kuasa jabatan itu akan terus agresif melakukan pemeriksaan bagi memastikan pengguna di negeri ini tidak berdepan kesukaran untuk mendapatkan barang kawalan.

Sementara itu, dalam video berkenaan Hee Sem turut menegur tahap kebersihan kedai makan berkenaan yang kotor dan kurang memuaskan.



Norena (kiri) ketika menyoal siasat pekerja Rohingya berkenaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 2

# Pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung program Madani Sabah

KOTA KINABALU: Program Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah di pekarangan Kompleks Sukan Likas di sini yang bermula esok (Jumaat), menyediakan pelbagai pengisian menarik dan bermanfaat kepada pengunjung.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri Zulfamy Mat Udi berkata antaranya 215 Perkhidmatan Touchpoint Rakyat, 28 perkhidmatan kos sara hidup dan aktiviti untuk belia.

"Kita membawa perkhidmatan Kerajaan Madani kepada rakyat Sabah, dengan contohnya di reruai KPDN pengguna boleh berinteraksi secara langsung dan kementerian serta agensi juga boleh tambah baik perkhidmatan.

"Banyak perkhidmatan boleh dimanfaat pengunjung, antaranya kemudahan bayar saman dengan diskaun sehingga 50 peratus. Turut disediakan perkhidmatan menukar topi keledar lama dengan 5,000 pengunjung terawal boleh bawa helmet lama yang tiada pengesahan Sirim untuk ditukar baharu," katanya dalam temu bual radio Sembang Ekspresi Sabah FM di sini, Rabu.

Beliau berkata Jualan Rahmah yang menawarkan diskaun sehingga 30 peratus di samping Jualan Agro Madani, turut dianjurkan sempena program tiga hari itu yang berakhir 20 Okt.

"Kita bawa wakil TikTok dan Shoppe untuk memberikan penerangan mengenai cara promosi dalam talian dan peluang ini perlu direbut pengusaha produk di negeri ini," katanya.

Zulfamy berkata kira-kira 4,000 peluang pekerjaan yang ditawarkan 14 majikan juga menanti untuk pengunjung dan penduduk Sabah.

Beliau berkata turut berlangsung pameran aset keselamatan, pemeriksaan kesihatan, kempen beli barangan buatan Malaysia dan jualan trak makanan, serta konsert artis terkenal antaranya Azharina, K Clique, Masmona dan Faradhiya.

Lebih 400,000 pengunjung dijangka menghadiri Program Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah anjuran Pejabat Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (Pacu), dengan KPDN sebagai penyelaras di peringkat negeri.
– Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 5



Mohd Firdaus arriving in court yesterday.

# Firm offering umrah packages and its director fined RM18,000

SEREMBAN: A company offering Umrah packages and its director were fined RM18,000 at the Magistrate's Court Wednesday for six charges of failing to comply with an award order totalling RM67,390 from the Malaysian Consumer Claims Tribunal (TTPM) granted to three individuals.

The sentence was handed down by Magistrate Nurul Azuin Mohd Talhah on Mohd Firdaus Ahmad, 38, who pleaded guilty on Oct 14 and Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd.

The court also ordered Mohd Firdaus to serve a one-month jail term if he fails to pay the fine.

The TTPM issued the award order on June 27, 2023, requiring the company and the director to pay three women RM27,880, RM14,040, and RM25,470.

The charges were framed under Section 117(1) of the Consumer Protection Act 1999, punishable under the same section and act, which provides a maximum fine of RM10,000 or imprisonment for up to two years or both.

Prosecuting officers from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Janawatul Fieza Hamisan and Sallim Wahid led the prosecution. Mohd Firdaus was unrepresented.

Janawatul Fieza requested the court to impose a severe penalty on the company's director, whose actions have caused losses to the claimants, the ministry, and the court and serve as a lesson to others.

Mohd Firdaus claimed he was a victim and had never been involved in the Umrah industry, adding that his name was unlawfully listed as the company's director at the end of 2022.

"Due to this case, I lost my job, everything that I had including my savings...I am determined to repay (the amount); it's unfair for me to give excuses to the clients. It was managed by others, and I take responsibility for it. I will work on settling the remaining payments – please give me time and space to recover," he added. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 4

# Two strategies to protect consumer rights before Lemon Law finalised

PETALING JAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has rolled out two interim strategies to protect consumers regarding the right to claim compensation, particularly for motor vehicle purchases, before a new legal framework related to the Lemon Law is finalised.

Its Minister, Datuk Armizan Mohd Ali said the strategies include establishing a standard operating procedure (SOP) to process applications for consent letters from consumers, in addition to requesting banking institutions to set up a dedicated internal unit to receive and process any such applications through a collaboration with Bank Negara Malaysia (BNM) and banking institutions.

"Starting from Sept 2, BNM has already issued a directive asking banks and other financial institutions to establish an SOP to allow consumers to apply for and obtain a consent letter.

"Following this cooperation, BNM has instructed banking institutions to implement both initiatives by Dec 3," he told a press conference after a meeting with Carsome Group here.

He said these strategies are the government's intervention initiatives to ensure consumers have access to fair and effective solutions before Lemon Law is implemented.

He said under the current legislation, the platform for vehicle consumers to claim their rights is through the Malaysian Consumer Claims Tribunal (TTPM), where consumers can obtain solutions to issues they are facing, in line with the consumer protection principles in the country.

"From January to August this year, KPDN received 114 compensation claims for vehicles and 187 complaints involving used vehicles at TTPM were filed. Another 16 complaints have been referred to a special negotiation team as of January to September this year," he said.

KPDN is currently studying the implementation and enforcement of legislation related to the Lemon Law in Malaysia; a law that provides redress rights to buyers of motor vehicles and other consumer goods to obtain remedies for products that repeatedly malfunction and fail to meet the quality and performance standards.

The remedies that consumers or buyers can claim under the Lemon Law include repairs, replacement, price reduction or refunds. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 2

# Madani Sabah event promises exciting activities

KOTA KINABALU: The Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah programme, set to take place at the Likas Sports Complex from Friday to Sunday, promises a variety of exciting and beneficial activities for visitors of all age groups.

Sabah Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) chief enforcement officer Zulfamy Mat Udi said the event would feature 215 public service touch-points, 28 cost-of-living assistance services and 18 youth-centred activities.

"We are bringing the Madani government services directly to the people, with booths like KPDN's where visitors can engage with us and provide feedback to help improve our services.

"The programme will also offer up to 50 per cent discount on traffic summonses and a helmet exchange initiative for the first 5,000 visitors who present their identification card along with an old helmet without the Sirim label," he said during a radio interview on Sembang Ekspresi Sabah FM.

The three-day event will also feature Rahmah Sales with discounts of 10 to 30 per cent, as well as the Agro Madani sales.

"E-commerce companies such as TikTok and Shopee will be conducting pocket talks, where entrepreneurs can learn promotional techniques and receive expert advice," he said.

Zulfamy further said a career carnival would be held as part of the event, with 14 employers offering around 4,000 job opportunities.

Other highlights include security asset exhibitions, e-sports, health services including blood tests, diabetes screenings and dental care, a buy Malaysian products campaign and food sales.

A concert featuring performances by artistes such as Azharina, K Clique, Masmona and Faradhiya is also set to enliven the programme.

Over 400,000 visitors are expected to attend the Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah programme, organised by the Prime Minister's Office through the Performance Acceleration Coordination Unit (Pacu) with KPDN as the coordinating ministry.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 10

# Armizan: SHMMP for Deepavali to be announced soon



Armizan speaks to the press. — Bernama photo

**SERDANG:** The Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for Deepavali 2024 will be announced soon, said Datuk Armizan Mohd Ali.

The Minister of Domestic Trade and Cost of Living said the ministry is still in the midst of working with the industry to identifying items to be listed in the SHMMP.

"I will announce it very soon. We are now engaging with the industry to identify and finalise suitable items to be listed.

"Once finalised, I will announced the list of price-controlled items," he said when opening the Agroinvest 2024 in conjunction with the Mardi Innovation Day, here yesterday.

The SHMMP has been implemented since 2000 under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

Under the scheme, several types of essential goods have been identified as festive season price-controlled items, with maximum prices set at the producer, wholesaler, and retailer levels for a specified period.

Hindu devotees across the country will be celebrating Deepavali on Oct 31.

Meanwhile, Armizan said the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) has been invited to join the Technology and Innovation Support Centre (TISC) to enhance its intellectual property management capabilities.

He said TISC is a local centre developed by the World Intellectual Property Organisation (WIPO) for creators from member countries, including Malaysia.

Through TISC, creators will gain access to the latest technology, research data and information related to protecting and managing intellectual property rights.

"With this invitation, KPDN aims to position Mardi as the 26th host institution within TISC. Mardi's participation in TISC will enable it to manage intellectual property more effectively, aligning with other coordinating institutions in Malaysia," he said.

He added Mardi's inclusion in TISC will provide access to a wide range of intellectual property resources, including online access to patent and non-patent databases and publications.

In addition, Mardi will benefit from technology and competitor monitoring, information on industrial property laws, intellectual property management and strategy, as well as technology commercialisation and marketing.

Meanwhile, Armizan said the Agroinvest 2024 programme serves as a platform to promote agricultural innovation and technology, including food products and intellectual outcomes from Mardi's research, to industry players in Malaysia's agriculture and agro-food sectors.

"KPDN through the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) will continue to strengthen its collaboration with Mardi, especially in managing intellectual property," he added. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 10

# Umrah tour company, director fined RM18,000 for failing to comply with Tribunal order

**SEREMBAN:** A company offering Umrah packages and its director were fined RM18,000 at the Magistrate's Court yesterday for six charges of failing to comply with an award order totalling RM67,390 from the Malaysian Consumer Claims Tribunal (TTPM) granted to three individuals.

The sentence was handed down by Magistrate Nurul Azuin Mohd Talhah on Mohd Firdaus Ahmad, 38, who pleaded guilty on Oct 14 and Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd.

The court also ordered Mohd Firdaus to serve a one-month jail term if he fails to pay the fine.

The TTPM issued the award order on June 27, 2023, requiring the company and the director to pay three women RM27,880, RM14,040, and RM25,470.

The charges were framed under Section 117(1) of the Consumer Protection Act 1999, punishable under the same section and act, which provides a maximum fine of RM10,000 or imprisonment for up to two years or both.

Prosecuting officers from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Janawatul Fieza Hamisan and Sallim Wahid led the prosecution. Mohd Firdaus was unrepresented.



Mohd Firdaus (centre) at the Magistrate's Court in Seremban on Wednesday. — Bernama photo

Janawatul Fieza requested the court to impose a severe penalty on the company's director, whose actions have caused losses to the claimants, the ministry, and the court and serve as a lesson to others.

Mohd Firdaus claimed he was a victim and had never been involved in the Umrah industry, adding that his name was unlawfully listed as the company's director at the end of 2022.

"Due to this case, I lost my job, everything that I had including my savings ...I am determined to repay (the amount); it's unfair for me to give excuses to the clients. It was managed by others, and I take responsibility for it. I will work on settling the remaining payments – please give me time and space to recover," he added. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 8

# Lorry driver fined RM26,000 for illegal diesel possession

**IPOH:** A lorry driver was fined RM26,000 by the Sessions Court here after he pleaded guilty to a charge of possessing scheduled controlled goods, namely 4,996 litres of diesel, without a valid licence, last year.

Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Perak branch director, Datuk Kamaludin Ismail, in a statement yesterday, said that Lam Wai Muan, 39, could also be jailed for eight months if he failed to pay the fine.

He said that Lam was found guilty of violating Regulation 3(1) of the Supply Control Regulations 1974, which covers dealing in controlled goods without a licence, in Kampar, at 11.15 pm on Nov 14, 2023.

The prosecution was conducted by the KPDN prosecuting officer Muhammad Ridzuan bin Abd Rahim, while the accused was unrepresented. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 6

# Exciting activities at Madani programme

**KOTA KINABALU:** The Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah programme, set to take place at the Likas Sports Complex from Friday to Sunday, promises a variety of exciting and beneficial activities for visitors of all age groups.

Sabah Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) chief enforcement officer Zulfamy Mat Udi said the event would feature 215 public service touchpoints, 28 cost-of-living assistance services and 18 youth-centred activities.

"We are bringing the Madani government services directly to the people, with booths like KPDN's where visitors can engage with us and provide feedback to help improve our services.

"The programme will also offer up to 50 per cent discount on traffic summonses and a helmet exchange initiative for the first 5,000 visitors who present their identification card along with an old helmet without the Sirim label," he said during a radio interview on Sembang Ekspresi Sabah FM on Wednesday.

The three-day event will also feature Rahmah Sales with discounts of 10 to 30 per cent, as well as the Agro Madani sales.

"E-commerce companies such as TikTok and Shopee will be conducting pocket talks, where entrepreneurs can learn promotional techniques and receive expert advice," he said.

Zulfamy further said that a career carnival would be held as part of the event, with 14 employers offering around 4,000 job opportunities.

Other highlights include security asset exhibitions, e-sports, health services including blood tests, diabetes screenings and dental care, a buy Malaysian products campaign and food sales.

A concert featuring performances by artistes such as Azharina, K Clique, Masmona and Faradhiya is also set to enliven the programme.

Over 400,000 visitors are expected to attend the Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah programme, organised by the Prime Minister's Office through the Performance Acceleration Coordination Unit (PACU) with KPDN as the coordinating ministry. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 13

# Syarikat pengendali umrah, pengarah didenda RM18,000 gagal patuhi award TTPM

**SEREMBAN:** Sebuah syarikat pengendali pakej umrah dan pengarahnya didenda RM18,000 di Mahkamah Majistret di sini semalam, atas enam pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kepada tiga individu yang menuntut keseluruhan RM67,390, tahun lepas.

Hukuman diputuskan Majistret Nurul Azuin Mohd Talhah terhadap Mohd Firdaus Ahmad, 38, selaku orang kena saman (OKS) dan Syarikat Persada Oasis Travel & Tours Sdn Bhd.

OKS membuat pengakuan bersalah pada 14 Oktober.

Mahkamah turut memerintahkan OKS dipenjara sebulan sekiranya gagal membayar denda.

Syarikat itu dan pengarahnya didakwa gagal mematuhi perintah award TTPM, supaya syarikat berkenaan membayar masing-masing RM27,880, RM14,040 dan RM25,470 kepada tiga wanita yang menuntut wang itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan pada 27 Jun 2023.



DIDENDA: Sebuah syarikat pengendali pakej umrah dan pengarahnya didenda RM18,000 di Mahkamah Majistret di Seremban semalam atas enam pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kepada tiga individu yang menuntut keseluruhan RM67,390, tahun lepas. — Gambar Bernama

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat TTPM di sini pada 26 Julai 2023.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang boleh dihukum di bawah seksyen dan akta sama yang memperuntukkan denda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Janawatul Fieza Hamisan dan Sallim Wahid manakala Mohd Firdaus tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Janawatul Fieza meminta mahkamah mengenakan hukuman tinggi kepada OKS berikutan perbuatannya menyebabkan kerugian kepada penuntut, kementerian dan mahkamah, selain bagi memberi pengajaran kepada orang lain.

"OKS juga belum menjelaskan bayaran kepada penuntut, yang menunjukkan tiada usaha untuk berunding bagi menyelesaikannya," katanya.

Sementara itu, Mohd Firdaus dalam rayuannya mendakwa dia merupakan mangsa dan kambing hitam dalam kes tersebut dan tidak pernah terlibat dalam industri umrah, selain namanya diletakkan secara tidak sah sebagai pengarah syarikat pada penghujung 2022.

"Saya hanya menjadi rakan kongsi dengan pemilik (sebelum ini). Disebabkan kes ini saya kehilangan kerja, hilang segala-galanya termasuk simpanan dan kini hanya berkebun, saya juga mempunyai seorang anak orang kurang upaya (OKU).

"Saya berazam untuk membayar balik, tak adil untuk saya memberikan alasan untuk klien, ia diuruskan oleh orang lain dan saya mengambil tanggungjawab itu, baki bayaran akan saya usahakan, beri masa dan ruang untuk saya pulih semula," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 13

# Pemandu lori miliki diesel tanpa lesen didenda RM26,000

IPOH: Seorang pemandu lori dijatuhi denda RM26,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan memiliki barang kawalan berjadual iaitu 4,996 liter diesel tanpa lesen sah, tahun lepas.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak Datuk Kamaludin Ismail dalam kenyataan semalam berkata, Lam Wai Muan, 39, juga boleh dipenjara lapan bulan jika tidak membayar denda tersebut.

Beliau berkata, pemandu lori itu didapati bersalah kerana melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan barang kawalan secara borong atau runcit tanpa lesen, di Kampar pada 11.15 malam 14 November 2023.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Muhammad Ridzuan bin Abd Rahim, manakala Lam tidak diwakili peguam. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 17/10/2024

M/SURAT: 7

# Pemandu lori miliki diesel tanpa lesen didenda RM26,000

**IPOH:** Seorang pemandu lori dijatuhi denda RM26,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan memiliki barang kawalan berjadual iaitu 4,996 liter diesel tanpa lesen sah, tahun lepas.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak Datuk Kamaludin Ismail dalam kenyataan semalam berkata Lam Wai Muan, 39, juga boleh dipenjara lapan bulan jika tidak membayar denda tersebut.

Beliau berkata, pemandu lori itu didapati bersalah kerana melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan barang kawalan secara borong atau runcit tanpa lesen, di Kampar pada 11.15 malam 14 Nov 2023.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Muhammad Ridzuan bin Abd Rahim, manakala Lam tidak diwakili peguam. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS
HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 4

# 充公仿冒名牌夹克

## 丹生活成本部查服装店



■吉兰丹国内贸易和生活成本部起获价值4585令吉的仿冒名牌夹克。

（道北16日讯）吉兰丹国内贸易和生活成本部充公价值4585令吉的仿冒名牌夹克。

吉兰丹国内贸易及生活成本部局长阿兹曼依斯迈说，该局接到商标持有人的投诉，指该店30岁的店主，通过线上平台广泛销售假冒夹克。于是昨早10时，在巴西北干一家服装店展开突袭行动。

他指出，调查发现，该店未经许可使用未注册商标，销售假冒商品。该局共搜出131件不同尺寸的夹克，这些夹克涉嫌使用知名品牌的商标，总值约4585令吉。

他说，该男子承认从今年2月开始销售这些假冒知名品牌的服装，主要是通过TikTok直播带货。因此该局援引《2019年商标法》102（1）（c）条文，对此案展开调查。

他促请民众在发现任何违例事项时，能够向该局作出举报，民众可通过线上投诉e-aduan@kpdnhep.gov.my或呼叫中心1800886800或联络热线03-88826088/6245或通过手机应用程式Whatsapp 0192794317。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 14

# 'Semak semula harga siling beras tempatan'

## Kajian perlu ambil kira kos pengeluaran semasa, unjuran masa hadapan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my




*Kerajaan sedia kaji semula harga siling beras tempatan.* (Foto Nur Iqbal Syakir Mohd Salleh/BH)

**Kuala Lumpur:** Harga siling beras tempatan perlu disemak semula dengan mengambil kira kos pengeluaran semasa, unjuran kos pada masa hadapan dan pergerakan harga beras putih dunia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata harga maksimum beras putih tempatan (BPT) ditetapkan pada kadar RM2.60 sekilogram sejak 2008 bagi memastikan rakyat mendapat harga berpatutan susulan peningkatan mendadak harga makanan itu di pasaran global.

Namun, katanya, selepas 16 tahun, harga maksimum beras berkenaan belum lagi disemak walhal harga jualan BPT adalah berkait langsung dengan harga belian padi.

"Sejak 2008, harga lantai belian padi dinaikkan daripada RM750 per tan kepada RM1,200 per tan pada 2014 dan terkini pada kadar RM1,300 setiap tan, manakala harga BPT masih kekal tidak berubah," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) di Dewan Rakyat.



*Mohamad Sabu*

### Tubuh pasukan

Mohamad berkata, KPKM sudah pun menubuhkan satu pasukan petugas khas bagi meneliti isu berkaitan industri padi dan beras negara, termasuk kajian daya saing struktur harga.

Di samping itu, katanya, kementeriannya sedang menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang akan dikemukakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), tidak lama lagi.

"Dapatan hasil kajian ini akan dijadikan rujukan kepada KPKM untuk menambah baik industri padi beras melalui 'task force' yang ditubuhkan.

"KPKM ingin memberi komitmen bahawa kebajikan pesawah akan terus diutamakan dan diberikan perhatian sewajarnya," katanya.

Akhir tahun lalu, Pengilang Beras Malaysia memberi jaminan mereka akan meningkatkan harga belian padi kepada RM1,500 per tan sekiranya harga siling BPT dapat dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram.

Ini adalah susulan langkah kerajaan yang akan meneliti semula harga siling BPT dinaikkan dalam usaha menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 16



KPKM menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang bakal dikemukakan MyCC tidak lama lagi.

**DEWAN RAKYAT**

# Semak semula harga siling beras tempatan

**Oleh Mohd Nasaruddin Parzi**
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Harga siling beras tempatan perlu disemak kembali dengan mengambil kira kos pengeluaran semasa, unjuran kos pada masa hadapan serta pergerakan harga beras putih dunia.

**Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu** berkata, harga maksimum beras putih tempatan (BPT) ditetapkan pada kadar RM2.60 sekilogram sejak 2008 bagi memastikan rakyat mendapat beras pada harga berpatutan ekoran peningkatan mendadak harga beras di pasaran global.

"Namun, selepas 16 tahun, harga maksimum beras tempatan belum lagi disemak. Harga jualan BPT adalah berkait langsung dengan harga belian padi.

"Sejak 2008, harga lantai belian padi dinaikkan daripada RM750 per tan metrik kepada RM1,200 per tan metrik pada 2014 dan terkini pada kadar RM1,300 setiap tan metrik, manakala harga BPT masih kekal tidak berubah," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan **Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap)** di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KPKM sudah pun menubuhkan satu *Task Force* bagi meneliti isu berkaitan industri padi dan beras negara termasuk kajian daya saing struktur harga padi dan beras negara.

"Di samping itu, kementerian menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang bakal dikemukakan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) tidak lama lagi.

"Dapatan hasil kajian itu akan dijadikan rujukan kepada pihak KPKM untuk menambah baik industri padi beras melalui *Task Force* yang sudah ditubuhkan.

"KPKM ingin memberi komitmen kebajikan pesawah akan terus diutamakan dan diberikan perhatian sewajarnya," katanya.

Akhir tahun lalu, Pengilang Beras Malaysia memberi jaminan mereka akan meningkatkan harga belian padi kepada RM1,500 per tan sekiranya harga siling beras putih tempatan (BPT) dapat dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram.

Ini adalah susulan langkah kerajaan yang akan meneliti semula harga siling BPT dinaikkan dalam usaha menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu terutama pesawah.

**KPKM tubuhkan satu Task Force bagi meneliti isu berkaitan industri padi dan beras negara**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 17/10/2024
M/SURAT: 21

# Rak khas produk IKS di Mydin

**Usaha pasar raya itu promosi produk tempatan melalui kempen Beli Barangan Malaysia**

Oleh NOR SYAZRINA MUHAMAD TAHIR
SHAH ALAM

Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) meneruskan komitmen mempromosikan produk tempatan melalui rak khas buatan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) melalui kempen Beli Barangan Malaysia.

Pengarah Urusannya, Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata, sebagai rangkaian peruncit dan pemborong halal terbesar tempatan, inisiatif berkenaan bertujuan untuk memberi peluang dan platform kepada usahawan IKS dalam memasarkan jenama usahawan ke cawangan pasar raya besar Mydin di seluruh negara.

"Rak khas ini mempamerkan pelbagai produk tempatan termasuk makanan, minuman dan barangan keperluan harian yang dihasilkan oleh usahawan kita.

"Mydin percaya bahawa dengan memberikan perhatian khusus kepada produk tempatan, kita dapat membantu meningkatkan daya saing mereka di pasaran dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

"Ini juga selari dengan hasrat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Ameer Ali berkata, rak khas berkenaan lengkap dengan produk keluaran IKS setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak dengan hampir 2,000 jenis stok simpanan unit (SKU).

Jelasnya, ia adalah untuk memberi kemudahan kepada pelanggan mengenal pasti dan mendapatkan produk berkualiti tinggi dengan cita rasa asli yang dihasilkan di Malaysia.

"Ini adalah langkah penting untuk menggalakkan penggunaan produk tempatan dan meningkatkan ekonomi domestik.

"Kami selaku syarikat tempatan amat memahami cabaran yang dialami oleh usahawan dalam negara bagi mempromosi produk mereka dan bersaing dengan jenama antarabangsa.

"Jadi sempena kempen Beli Barangan Malaysia, Mydin menyeru masyarakat untuk menyokong produk tempatan," ujarnya.

Beliau berkata, usaha bersama tersebut dapat membantu memajukan industri tempatan serta memberi impak positif kepada masyarakat di samping mengurangkan kebergantungan produk luar.




Mydin meneruskan komitmen dengan mempromosikan produk tempatan melalui rak khas IKS melalui kempen Beli Barangan Malaysia.




## 末沙布：16年沒檢討
# 白米該漲價





■莫哈末沙布

（吉隆坡16日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，基于生产成本、未来成本预测，以及国际白米价格波动，该部计划检讨自2008年来来，不曾改变的本地白米顶价。

他昨日通过书面回答伊斯兰党巴东得腊国会议员奴鲁阿敏的提问说，自2008年以来，稻米的购买价格上限已从750令吉上涨至每公吨1300令吉，但顶价仍未改变，保持在每公斤2令吉60仙。

"尽管稻米在全球市场的价格不断上涨，但我国白米的顶价自2008年来一直未改变，目的是确保人民能以合理价格购买，我们已经有16年没检讨价格。"

莫哈末沙布说，该部已成立一支工作队，专门研究与国家稻米和白米行业相关的问题。

"农业部也正在等待大马竞争委员会（MyCC）对稻米和白米行业的研究报告，该报告将在不久后提交。"

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE 17 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 17-Oct | Skim kawalan harga sempena Deepavali diumum dalam masa terdekat | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144886/skim-kawalan-harga-sempena-deepavali-diumum-dalam-masa-terdekat | HARIAN METRO |
| 17-Oct | Senarai barang kawalan Deepavali diumum tidak lama lagi | https://malaysiagazette.com/2024/10/16/senarai-barang-kawalan-deepavali-akan-diumumkan-tidak-lama-lagi/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 17-Oct | KPDN pastikan sayur 'popular' cukup, harga munasabah sempena Deepavali | https://www.kosmo.com.my/2024/10/16/kpdn-pastikan-sayur-popular-cukup-harga-munasabah-sempena-deepavali/ | KOSMO |
| 17-Oct | KPDN, MyIPO didik usahawan MARDI urus harta intelek | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kpdn-myipo-didik-usahawan-mardi-urus-harta-intelek/ | UTUSAN |
| 17-Oct | Penyertaan MARDI dalam TISC kukuh pengurusan harta intelek | https://malaysiagazette.com/2024/10/16/penyertaan-mardi-dalam-tisc-kukuh-pengurusan-harta-intelek/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 17-Oct | MARDI dipelawa sertai TISC, pertingkat pengurusan harta intelek - Armizan | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2352303 | BERNAMA |
| 17-Oct | Kpdn Kelantan sita lebih 100 jaket guna cap dagang berdaftar tanpa kebenaran | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2352329 | BERNAMA RADIO |
| 17-Oct | Pemandu lori miliki diesel tanpa lesen didenda RM26,000 | https://www.sinarharian.com.my/article/691307/berita/semasa/pemandu-lori-miliki-diesel-tanpa-lesen-didenda-rm26000 | SINAR HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17-Oct | Wanita Rohingya temberang, sorok minyak masak peket | https://www.sinarharian.com.my/article/691248/berita/semasa/wanita-rohingya-temberang-sorok-minyak-masak-peket | SINAR HARIAN |
| 17-Oct | 4 tahun berniaga kedai runcit tanpa lesen | https://www.kosmo.com.my/2024/10/16/4-tahun-berniaga-kedai-runcit-tanpa-lesen/ | KOSMO |
| 17-Oct | Syarikat pengendali umrah, pengarah didenda RM18,000 gagal patuhi award TTPM | https://www.sinarharian.com.my/article/691296/berita/semasa/syarikat-pengendali-umrah-pengarah-didenda-rm18000-gagal-patuhi-award-ttpm | SINAR HARIAN |
| 17-Oct | Syarikat umrah, pengarah didenda RM18,000 gagal patuhi award perintah | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144912/syarikat-umrah-pengarah-didenda-rm18000-gagal-patuhi-award-perintah | HARIAN METRO |
| 17-Oct | Syarikat pengendali umrah, pengarah didenda RM18,000 gagal patuhi award TTPM | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2352327 | BERNAMA |
| 17-Oct | Syarikat pengendali umrah, pengarah didenda, gagal patuhi award TTPM | https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/syarikat-pengendali-umrah-pengarah-didenda-gagal-patuhi-award-ttpm/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 17-Oct | Kedai pakaian diserbu, jual pakaian jenama terkenal disyaki tiruan di TikTok | https://www.buletintv3.my/nasional/kedai-pakaian-diserbu-jual-pakaian-jenama-terkenal-disyaki-tiruan-di-tiktok/ | BULETIN TV 3 |
| 17-Oct | Kiosk roof falls on cars | https://www.dailyexpress.com.my/news/243929/kiosk-roof-falls-on- | DAILY EXPRESS |
| 17-Oct | Harga siling beras tempatan perlu disemak semula - KPKM | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1144819/harga-siling-beras-tempatan- | HARIAN METRO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17-Oct | MGNews: KPDN Cari Penyelesaian Untuk Elak Potensi Harga Sayuran Naik | https://malaysiagazette.com/2024/10/16/mgnews-kpdn-cari-penyelesaian-untuk-elak-potensi-harga-sayuran-naik/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 17-Oct | Penari jadi duta perkenal pelbagai tarian Malaysia di Jepun | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penari-jadi-duta-perkenal-pelbagai-tarian-malaysia-di-jepun-491940 | ASTRO AWANI |
| 17-Oct | MARDI perlu ambil peranan tingkat pengurusan harta intelek - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mardi-perlu-ambil-peranan-tingkat-pengurusan-harta-intelek---armizan-492049 | ASTRO AWANI |
| 17-Oct | KPDN mahu jadikan MARDI organisasi ke-26 dalam TISC | https://www.kosmo.com.my/2024/10/16/kpdn-mahu-jadikan-mardi-organisasi-ke-26-dalam-tisc/#google_vignette | KOSMO |
| 17-Oct | Lebih 100 jaket disita guna cap dagang berdaftar tanpa kebenaran | https://www.sinarharian.com.my/article/691313/berita/semasa/lebih-100-jaket-disita-guna-cap-dagang-berdaftar-tanpa-kebenaran | SINAR HARIAN |
| 17-Oct | KPDN pastikan harga sayur munasabah, bekalan mencukupi | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpdn-pastikan-harga-sayur-munasabah-bekalan-mencukupi-x97fruo | ASTRO AWANI |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17-Oct | KPDN kenal pasti harga kawalan barang menjelang Deepavali | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kpdn-kenal-pasti-harga-kawalan-barang-menjelang-deepavali/#google_vignette | UTUSAN |
| 17-Oct | MGNews: KPDN Cari Penyelesaian Untuk Elak Potensi Harga Sayuran Naik | https://malaysiagazette.com/2024/10/16/mgnews-kpdn-cari-penyelesaian-untuk-elak-potensi-harga-sayuran- | MALAYSIA GAZETTE |
| 17-Oct | MARDI set to strengthen IP Management With TISC membership | https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2352368 | BERNAMA |
| 17-Oct | MARDI dipelawa sertai TISC, pertingkat pengurusan harta intelek: Armizan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/16/mardi-dipelawa-sertai-tisc-pertingkat-pengurusan-harta-intelek-armizan | UTUSAN BORNEO |
| 17-Oct | Price control scheme for Deepavali to be announced soon, says Armizan | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/16/price-control-scheme-for-deepavali-to-be-announced-soon-says-armizan | THE STAR |
| 17-Oct | SHMMP For Deepavali to be annouced soon - Armizan | https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2352301 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT